



JURNAL LINGUISTIK Vol. 28 (1) Mei 2024 (015-032)

Analisis Sintaksis Kata Ganti Nama Diri Bahasa Bateq

¹Nur Faqihah Hanim Muhamed Sanari, ²Fazal Mohamed Mohamed Sultan,
³Muhammad Asytar Noor Ropiah & ⁴Nur Anis Syafiq Zulkefli

¹faqihahsanari@gmail.com, ²fazal@ukm.edu.my,
³asytarmnr@gmail.com, ⁴syafiqazulkefli23@gmail.com

*Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia*

Tarikh terima : 30 Jan 2024
Received
Terima untuk diterbitkan : 18 April 2024
Accepted
Tarikh terbit dalam talian : 31 Mei 2024
Published online

Abstrak

Makalah ini adalah mengenai kata ganti nama diri (KGND) dalam bahasa Bateq bertujuan untuk mengenal pasti variasi KGND pertama, kedua dan ketiga bahasa Bateq di samping memperlihatkan kasus yang ditandai atau dimiliki oleh setiap KGND bahasa Bateq dalam satu-satu ayat. Pemilihan Bahasa Bateq untuk kajian adalah kerana bahasa ini daripada rumpun Austroasiatik yang berada dalam kepupusan. Metodologi kajian melibatkan kajian lapangan menggunakan kaedah temu bual untuk mendapatkan data. Penganalisan data terhadap KGND bahasa Bateq dibahagikan kepada dua bahagian iaitu analisis deskriptif dan analisis sintaksis. KGND dalam bahasa Bateq ada enam leksikal gantian iaitu leksikal *yek*, *yem* dan *hek* untuk KGND pertama, *mek* untuk KGND kedua serta *ok* dan *gen* untuk KGND ketiga. KGND pertama *yek* dan *hek*, KGND kedua *mek* dan KGND ketiga *ok* dan *gen* masing-masing ditandai atau dimiliki oleh kasus nominatif, akusatif dan genitif. KGND pertama *yek* hanya ditandai atau dimiliki oleh kasus nominatif sahaja.

Kata kunci: sintaksis, Program Minimalis, kata ganti nama diri, bahasa Bateq, Orang Asli Negrito

A Syntactic Analysis of Pronouns in Bateq Language

Abstract

*This article is about personal pronouns (KGND) in Bateq, with the aim of identifying the first, second and third variants of KGND in Bateq and showing the marked or possessive cases of each Bateq KGND in a sentence. The focus of this study is the Bateq language which is an endangered Austroasiatic language. Research methods include field research using interview methods to collect information. Data analysis of the Bateq KGND language is divided into two parts: descriptive analysis and syntactic analysis. Bateq provides six alternative lexical items for KGND; *yek*, *yem* and *hek* for the first KGND, *mek* for the second KGND and *ok* and *gen* for the third KGND. The first KGND *yek* and *hek*, the second KGND *mek* and the third KGND *ok* and *gen* marked nominative, accusative and genitive cases. The first KGND *yek* is only marked nominative cases.*

Keyword: syntax, Minimalist Program, personal pronouns, Bateq language, Orang Asli Negrito

1. Pengenalan

Kata ganti nama (KGN) dapat definisikan sebagai kata yang menggantikan nama manusia. Menurut Nor Hashimah (2001), terdapat empat jenis KGN iaitu KGN diri, KGN panggilan, KGN tanya dan KGN tunjuk. Penggunaan KGN diri (KGND) dalam komunikasi memudahkan sesebuah komunikasi untuk merujuk penutur, orang yang ditutur dan orang lain. Seiring dengan definisi oleh Nik Safiah Karim et al. (1996) yang mentakrifkan KGND sebagai perkataan yang digunakan untuk mengganti nama khas atau nama yang berdiri di tempat kata manusia. Bahkan, penggunaan KGND berlaku dalam setiap bahasa yang ada dunia termasuklah bahasa Orang Asli. Kewujudan bahasa Orang Asli di Malaysia adalah tidak asing, namun bahasa Orang Asli hanya digunakan oleh Orang Asli sahaja. Menurut Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) (2021), Orang Asli di Semenanjung Malaysia terbahagi kepada tiga kelompok utama iaitu Negrito, Senoi dan Melayu-Proto. Humaizah Ismail (1995) mendefinisikan Orang Asli sebagai sebuah kumpulan etnik pribumi yang majmuk dengan bilangan yang minoriti. Orang Asli telah datang ke Malaysia sejak beberapa ribu tahun dahulu dan berada di seluruh Semenanjung Malaysia kecuali di Pulau Pinang dan Perlis. Orang Asli kebiasaannya akan tinggal di kawasan pedalaman, kawasan hulu sungai, kawasan persisiran pantai atau pun di kawasan pinggir hutan yang berdekatan dengan kampung Melayu. Orang Asli secara amnya masih mempraktikkan amalan hidup, sistem kepercayaan dan bahasa yang tertua di negara ini (G. Benjamin 1976).

Dari segi bahasa, setiap kelompok utama Orang Asli menuturkan bahasa yang berbeza-beza. Nik Safiah Karim & Ton Ibrahim (1977) mengatakan bahasa Orang Asli dibahagikan kepada tiga iaitu “bahasa orang-orang Negrito”, “bahasa orang-orang Senoi” dan “bahasa orang-orang Melayu Asli”. Seiring itu, JAKOA (2021) juga mengatakan ketiga-tiga kelompok utama Orang Asli menuturkan dialek yang berbeza-beza. Perbezaan yang dipunyai oleh bahasa Orang Asli ini secara tidak langsung memperlihatkan variasi bahasa dalam bahasa Orang Asli.

Kajian yang dilakukan ini hanya akan membincangkan mengenai bahasa Bateq sahaja memandangkan orang suku Bateq mempunyai jumlah statistik yang tinggi dalam kalangan kelompok Orang Asli Negrito dengan jumlah sebanyak 1447 orang secara keseluruhannya di Semenanjung Malaysia (JAKOA 2021). Penelitian terhadap bahasa Bateq dalam kajian ini adalah mengenai KGND dan kasus yang ditandai atau dimiliki pada setiap KGND dalam bahasa Bateq. Penandaan dan pemilikan mengenai kasus pada KGND dalam bahasa Bateq akan dijelaskan menggunakan Program Minimalis melalui analisis sintaksis terhadap KGND bahasa Bateq. Tidak ketinggalan, satu analisis deskriptif terhadap KGND dalam bahasa Bateq berkenaan variasi KGND bahasa Bateq akan diuraikan juga.

1.1 Orang Asli Negrito

Menurut Humaizah Ismail (1995), kelompok Negrito adalah merupakan kelompok Orang Asli yang terkecil dan tertua di Malaysia. Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Siti Nur Balqis (2023) mengatakan kelompok Negrito adalah merupakan kelompok yang minoriti di Malaysia. Kelompok Negrito berasal dari kawasan Cina Utara dan tiba di Tanah Melayu sejak lebih kurang 25,000 tahun yang lalu (Humaizah Ismail 1995). Ciri fizikal orang Negrito adalah berbadan kecil, kulit berwarna hitam dan berambut kerinting (Iron H.N. Evans 1974). Umumnya kelompok Orang Asli Negrito mengamalkan cara hidup secara nomad iaitu secara berpindah randah namun amalan cara hidup tersebut tidak lagi diamalkan semenjak mereka menerima bantuan daripada pihak kerajaan (Jabatan Kemajuan Orang Asli 2021). Kelompok Orang Asli Negrito di kawasan Semenanjung Malaysia kebiasaannya mendiami di kawasan utara Semenanjung di sekitar Banjaran Titiwangsa. Kelompok Orang Asli Negrito terdiri daripada enam suku kaum iaitu Jahai, Mendriq, Bateq, Kintak, Lanoh dan Kensiu.

1.2 Suku Bateq

Orang suku Bateq di Semenanjung Malaysia mendiami kawasan Pantai Timur. Orang suku Bateq di negeri Pahang tinggal di kawasan pedalaman utara Pahang, orang suku Bateq di negeri Terengganu tinggal di kawasan barat Terengganu dan orang suku Bateq di negeri Kelantan tinggal di kawasan selatan Kelantan. Orang suku Bateq mengamalkan cara hidup secara nomad iaitu berpindah-randah demi

meneruskan kelangsungan hidup. Sejarah ini berkaitan dengan yang dinyatakan oleh Humaizah Ismail (1995) bahawa kehidupan orang suku kaum Negrito agak mudah dan primitif. Orang suku kaum Negrito akan berpindah ke tempat yang lebih produktif jika bekalan makan mereka berkurangan kerana mereka hanya bergantung kepada sumber yang ada di kawasan didiami mereka untuk meneruskan kelangsungan hidup.

Dari segi bahasa, bahasa yang dituturkan oleh kelompok Orang Asli Negrito adalah merupakan bahasa daripada rumpun Austroasiatik (Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Khairul Faiz Alimi, 2014). Hal ini menjadikan bahasa Bateq berada di bawah rumpun bahasa Austroasiatik. Bahasa yang berada di bawah rumpun yang sama boleh difahami di antara satu sama lain dengan bahasa yang berada dalam rumpun yang sama. Walau bagaimana pun, bahasa Austroasiatik kini semakin terhakis kerana dipengaruhi oleh bahasa Melayu (Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Siti Nur Balqis, 2023). Sebelum itu, Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Nurulafiqah (2012) turut menyokong bahawa bahasa Austroasiatik semakin pupus dengan mengatakan kealpaan terhadap khazanah bahasa menyebabkan berlakunya kepupusan bahasa. Justeru, adalah wajar pelestarian terhadap bahasa Austroasiatik dilakukan.

2. Sorotan Literatur

Penelusuran terhadap kajian terdahulu mengenai kajian berkaitan KGND dan sintaksis bahasa Orang Asli adalah penting dalam mengenal pasti kelompongan dan persamaan kajian terdahulu dengan kajian ini. Dalam masa yang sama, perbincangan dari kajian terdahulu boleh memberikan perspektif, pengetahuan dan penjelasan mengenai teori serta data bahasa yang diperoleh pada kajian ini. Walaupun ada kajian terdahulu yang sudah melebihi durasi lima tahun terkini (dari tahun 2023) dijadikan sebagai rujukan untuk kajian ini, namun kajian-kajian tersebut tetap di ambil kira oleh pengkaji. Hal demikian, bahasa Orang Asli Negrito adalah merupakan bahasa yang minoriti di Malaysia di samping bahasa ini berada dalam kepupusan sekali gus menjadikan terhadnya dalam mendapatkan rujukan-rujukan terkini.

Kajian mengenai bahasa Orang Asli Negrito terdahulunya sering kali diberikan perhatiannya kepada suku Mendriq di Kuala Lah, Gua Musang, Kelantan iaitu salah satu suku yang berada dalam kelompok Orang Asli Negrito. Perbincangan oleh Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Mohd Romzi (2015a) adalah mengenai KGND dalam bahasa Mendriq yang dibincangkan secara deskriptif. Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Mohd Romzi (2015b) kemudiannya membincangkan KGND dalam bahasa Mendriq dengan lebih mendalam pada makalah tersebut dengan membincangkan mengenai kasus dan struktur sintaksis bagi KGND dalam bahasa Mendriq. Selain itu, kajian bahasa Mendriq yang menggunakan kerangka teori Program Minimalis terdahulunya juga ada dilakukan. Misalnya seperti kajian Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Mohd Romzi (2015b) yang menganalisis KGND dalam bahasa Mendriq, Fazal Mohamed Mohamed Sultan et al. (2010a) menganalisis kata kerja transitif bahasa Mendriq, Fazal Mohamed Mohamed Sultan et al. (2010b) kemudiannya menganalisis kata soal argumen bahasa Mendriq dan Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Khairul Faiz Alimi (2016) menggunakan Program Minimalis untuk menganalisis frasa kerja transitif dan tak transitif dalam bahasa Mendriq. Hal ini jelas menunjukkan kajian mengenai bahasa Mendriq dalam analisis sintaksis sememangnya ada variasinya sekali gus menjadikan Program Minimalis sebagai satu kerangka asas yang kukuh untuk digunakan menganalisis data bahasa.

Kajian bahasa Orang Asli Negrito suku Mendriq diteruskan oleh Harishon Radzi et al. (2011) dan Harishon Radzi et al. (2012). Kedua-dua kajian tersebut telah membincangkan mengenai bahasa Mendriq khususnya dalam bidang morfologi. Satu penulisan secara deskriptif juga dilakukan oleh Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Khairul Faiz Alimi (2014) mengenai frasa kerja bahasa Mendriq.

Walaupun bagaimanapun, penelusuran kajian terdahulu tidak terhenti pada bahasa Mendriq sahaja memandangkan bahasa dalam kelompok Negrito terdiri daripada enam bahasa. Perbincangan oleh Fazal Mohamed Mohamed Sultan (2009a) telah bertumpu kepada bahasa Bateq di Perkampungan Pos Linggi, Kelantan. Kajian tersebut membincangkan secara deskriptif mengenai frasa nama Bateq dan urutan yang membentuk frasa tersebut menggunakan teori Kerangka X-berpalang. Kajian Fazal Mohamed Mohamed Sultan (2009a) tersebut tidak menyentuh mengenai kasus, namun kajian tersebut memberikan

pengetahuan dalam menerangkan mengenai elemen mendahului dan mengikuti dalam frasa nama Bateq. Perbincangan menggunakan teori Kerangka X-berpalang diteruskan pada tahun yang sama oleh Fazal Mohamed Mohamed Sultan et al. (2009b) yang membincangkan mengenai bahasa Kensiu di Baling, Kedah mengenai frasa nama. Kajian Fazal Mohamed Mohamed Sultan et al. (2009b) juga tidak menyentuh mengenai kasus dan membincangkan mengenai urutan elemen yang mendahului dan mengikuti dalam frasa nama Kensiu di samping membincangkan secara deskriptif mengenai kata ganti nama Kensiu. Fazal Mohamed Mohamed Sultan (2011) kemudiannya membincangkan perbezaan antara frasa nama dalam bahasa Melayu dengan bahasa Kensiu. Fazal Mohamed Mohamed Sultan (2011) dalam perbincangannya mengatakan Orang Asli di Malaysia menuturkan bahasa dari rumpun Austroasiatik yang tidak sama dengan rumpun untuk bahasa Melayu iaitu rumpun Austronesia. Hasil analisis deskriptif terhadap frasa nama dalam bahasa Kensiu telah mendapati bahawa frasa nama bahasa Kensiu melibatkan elemen bilangan, kata nama, penentu dan posesif penanda yang mempunyai satu urutan yang tetap. Pada tahun 2023, Muhammad Asytar et al. (2023) ada melakukan satu perbincangan mengenai kala pada frasa kerja dalam bahasa Bateq. Perbincangan Muhammad Asytar et al. (2023) menggunakan Program Minimalis dalam menjelaskan fenomena frasa kerja bahasa Bateq.

Memandangkan kajian ini berminat untuk meneliti KGND dan sintaksis dalam bahasa Bateq, penelurusan terhadap kajian terdahulu yang mengkaji mengenai KGND dan sintaksis wajar dirujuk. Selain daripada kajian Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Mohd Romzi (2015b) yang membincangkan mengenai sintaksis KGND bahasa Mendriq, Fazal Mohamed Mohamed dan Siti Nur Balqis (2023) membincangkan mengenai sintaksis KGND bahasa Orang Asli Mah Meri. Perbincangan Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Mohd Romzi (2015b) dan Fazal Mohamed Mohamed dan Siti Nur Balqis (2023) menjadi rujukan utama pada kajian ini kerana kedua-dua perbincangan tersebut menyentuh mengenai kasus di samping menjelaskan analisis sintaksis data kajian mereka menggunakan Program Minimalis. Terdapat juga perbincangan dalam bahasa-bahasa lain mengenai KGND dan sintaksis. Misalnya seperti perbincangan dalam kajian oleh Oye Taiwo & Akintoye Samson Japhet (2019) yang membincangkan mengenai dialek Tenggara di negeri Ondo, Nigeria pula membincangkan mengenai cara leksikon berfungsi dalam hierarki struktur komposisi taburan sintaksis KGND berserta fungsinya. Kajian Arafiq (2020) pula adalah mengenai KGND bahasa Bima yang menerangkan sifat sintaksis dan taburan KGND bahasa Bima di kawasan timur Pulau Sumbawa. Perkara ini jelas menunjukkan perbincangan KGND dan sintaksis dalam apa bahasa pun boleh dibincangkan dari pelbagai sudut pandangan (seperti kasus, fungsi leksikon dan sebagainya).

Tidak ketinggalan, dalam sorotan kajian terdahulu ada mengatakan bahawa bahasa Orang Asli Negrito adalah bahasa yang berada di bawah kelompok Austroastik yang kian pupus semakin hari. Pelestarian bahasa perlu dilakukan sekurang-kurangnya untuk pendokumentasian sekiranya bahasa Austroasiatik pupus. Rujukan terdahulu memperlihatkan lambakan kajian dalam bahasa Mendriq dari pelbagai bidang. Justeru, kajian ini mengambil peluang terhadap kelompondan ini dan berminat kepada bahasa Bateq kerana bahasa Bateq merupakan bahasa Orang Asli Negrito yang masih kurang kajiannya walaupun menurut pihak JAKOA (2021) jumlah statistik suku Bateq adalah ramai. Pemerhatian kepada KGND dalam bahasa Bateq menjadi fokus kajian ini dibincangkan secara deskriptif di samping satu analisis sintaksis menggunakan Program Minimalis untuk menjelaskan fenomena penandaan kasus dilakukan.

3. Metodologi

Kajian ini melibatkan kajian lapangan menggunakan kaedah temu bual secara bersemuka bersama responden kajian. Penggunaan gambar aktiviti harian (seperti aktiviti mengemas rumah, aktiviti jual beli di pasar dan aktiviti festival kemasyarakatan) sebagai instrumen kajian dalam mendapatkan data kajian digunakan dalam mendapatkan data kajian secara semula jadi dan tidak kekok. Sebelum turun ke lapangan, kebenaran untuk memasuki penempatan atau perkampungan Orang Asli Bateq yang dikenal pasti untuk dijadikan sebagai kawasan kajian diperolehi terlebih dahulu daripada Ibu Pejabat JAKOA. Kemudiannya, pemakluman tujuan kajian dan permohonan keizinan untuk membuat kajian kepada Tok Batin di penempatan atau perkampungan Orang Asli Bateq dilakukan.

Jadual 1. Senarai Kampung suku Bateq

Bil.	Nama Kampung/Penempatan	Negeri
1.	Pasir Linggi, Pos Lebir	Kelantan
2.	Kuala Koh, Pos Lebir	
3.	Aring 5, Pos Lebir	
4.	Machang, Pos Lebir	
5.	Sungai Sayap	Terengganu
6.	Sungai Sekin	Pahang
7.	Telok Gunung	
8.	Kuala Atok Baru	
9.	Sungai Berjuang	
10.	Sematau	
11.	Sungai Garam	
12.	Sungai Tementong	

Sebanyak 12 penempatan atau perkampungan Orang Asli Bateq di negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang telah dijadikan kawasan kajian. Orang suku Bateq yang memenuhi klasifikasi NORM/F (*non-mobile, old, rural* dan *male/female*) oleh Chambers dan Trudgill di kawasan kajian telah dijadikan sebagai responden dalam mendapatkan data dalam kajian. Dalam memenuhi klasifikasi NORM/F oleh Chambers dan Trudgill (1990) juga, orang suku Bateq yang dipilih sebagai responden tinggal secara tetap kariah kampung Orang Asli yang sama. Dari segi aspek pendidikan, kajian ini menyasarkan responden yang mempunyai latar pendidikan yang asas seperti berkebolehan membaca dan menulis sahaja. Kajian ini tidak menyasarkan responden yang mempunyai latar pendidikan yang tinggi untuk memastikan tiadanya percampuran bahasa lain yang diperoleh di institusi pendidikan. Di samping itu, penutur yang mempunyai masalah pertuturan seperti gagap, masalah artikulasi atau pun sumbing tidak akan dijadikan sebagai responden kajian.

3.1 Program Minimalis

Penganalisan data kajian akan dijelaskan menggunakan Program Minimalis (1995). Data yang mengandungi KGND pertama, kedua dan ketiga akan dianalisis menggunakan Program Minimalis dalam menerangkan penandaan kasus pada KGN dalam bahasa Bateq. Program Minimalis dapat menentukan sama ada KGND bahasa Bateq hadir dengan kasus tersendiri atau perlu ditandai berdasarkan fungsi KGN dalam ayat. Selain menjelaskan fenomena penandaan kasus bagi KGN dalam bahasa Bateq, penggunaan Program Minimalis dalam kajian ini sekali gus akan memperlihatkan struktur kata nama atau struktur KGND yang hadir pada bahasa Orang Asli Negrito. Penggunaan Program Minimalis (1995) akan memaparkan tiga proses dalam menjelaskan struktur sesuatu ayat iaitu proses gabung, penyemakan dan keserasian.

Program Minimalis (1995) membenarkan analisis dilakukan dengan memahami posisi setiap leksikal yang membawa fungsinya berserta peranan teta untuk memberikan maklumat yang memenuhi ciri ayat lengkap. Proses Program Minimalis (1995) bermula dengan unsur leksikal yang diambil dari leksikon untuk memasuki sesuatu derivasi untuk membolehkan proses penggabungan dijalankan. Penyemakan fitur nahan yang ada pada unsur leksikal tersebut akan mengalami proses pengkomputasian. Ketika proses pengkomputasian berada tahap ‘cetusan’, proses penginterpretasian terhadap unsur tersebut akan berlaku dengan mencetuskan unsur tersebut kepada dua bentuk sahaja sama ada dalam bentuk fonetik (BF) atau pun bentuk logik (BL). Fitur yang tidak berinterpretasi akan bergerak ke bentuk BF dan BL, menghasilkan ayat yang tidak gramatis (Maulana Al-Fin Che Man & Fazal Mohamed Mohamed Sultan, 2020).

4. Kata Ganti Nama bahasa Bateq

Bahagian ini adalah merupakan satu analisis deskriptif terhadap KGND bahasa Bateq. Sama seperti bahasa Melayu, KGND dalam bahasa Bateq dapat dipecahkan kepada KGND pertama, KGND kedua

dan KGND ketiga yang terdiri daripada bentuk tunggal dan jamak. KGND pertama KGN pertama adalah merujuk kepada penggantian kata yang digunakan untuk menggantikan diri orang yang bercakap. Penggantian kata yang digunakan boleh hadir dalam bentuk tunggal iaitu ‘saya’, ‘aku’, ‘beta’ atau ‘patik’ dan dalam bentuk jamak iaitu ‘kita’ atau ‘kami’ (Nik Safiah Karim et al 2013).

KGN kedua merujuk kepada kata yang digunakan untuk mengganti orang yang sedang bercakap bersama penutur. Bentuk penggantian kata bagi KGN kedua juga boleh hadir dalam bentuk tunggal seperti ‘awak’, ‘kamu’ ‘anda’, ‘engkau’ atau ‘tuanku’ dan dalam bentuk jamak seperti ‘kamu’ (untuk merujuk orang yang sedang bercakap bersama penutur dalam bilangan lebih daripada seorang) atau pun ‘kalian’.

Penggantian kata bagi KGN ketiga pula digunakan untuk merujuk kepada orang lain dalam yang tidak turut serta dalam perbualan (Maslida Yusof 2018). Sama seperti KGN pertama dan KGN kedua, penggantian kata KGN ketiga boleh hadir dalam bentuk tunggal iaitu ‘dia’, ‘ia’, ‘beliau’ atau ‘baginda’ manakala dalam bentuk jamak pula iaitu ‘mereka’.

Dapatan kajian telah mendapati bahawa ada enam leksikal KGND dalam bahasa Bateq. KGND pertama bahasa Bateq mempunyai tiga leksikal gantian, KGND kedua bahasa Bateq mempunyai satu leksikal gantian dan KGND ketiga bahasa Bateq mempunyai dua leksikal gantian. Kesemua leksikal ini telah ditemui dan digunakan oleh responden di kesemua kawasan kajian; bertepatan dengan pernyataan oleh Chomsky (1986) terdahulu yang mengatakan bahawa Orang Asli menggunakan hanya satu bahasa sahaja.

Jadual 2. KGND pertama bahasa Bateq

Bahasa Melayu	Bahasa Bateq	Tunggal	Jamak
‘Saya’	<i>jek</i>		
‘Aku’	<i>yem</i>		
‘Kita’	<i>jek</i>		
‘Kita’	<i>hek</i>		
‘Kami’	-	-	-

KGND pertama dalam bahasa Bateq terdiri daripada leksikal *jek*, *yek* dan *hek*. Leksikal *jek* dan *yem* digunakan untuk menggantikan kata ‘saya’ dan ‘aku’. Kedua-dua leksikal ini adalah berbentuk tunggal dan digunakan untuk merujuk kepada bilangan penuturnya seorang. Walaupun penggunaan leksikal *jek* dan leksikal *yem* digunakan untuk menggantikan kata ‘saya’ dan ‘aku’, namun distribusi leksikal *yem* adalah lebih tegas. Distribusi yang tegas dalam konteks ini bermaksud, penggunaan leksikal *yem* boleh hadir hanya pada posisi subjek sahaja. Selain itu, penggantian kata ‘kita’ dalam bahasa Bateq digantikan dengan leksikal *jek* dan leksikal *hek*. Leksikal *yek* digunakan untuk menggantikan kata ‘kita’ berbentuk tunggal digunakan oleh responden untuk merujuk kepada bilangan satu orang penutur. Leksikal *hek* pula digunakan untuk menggantikan kata ‘kita’ berbentuk jamak digunakan oleh responden sekiranya responden ingin mengatakan bilangan penutur dalam sebuah percakapan adalah lebih daripada seorang. Hasil pemerhatian ketika proses temu bual dijalankan, sebab penggunaan leksikal *yek* digunakan oleh penutur apabila ingin menyatakan wujudnya kesamaan keanggotaan dan kepentingan bersama antara penutur dengan orang yang dtutur dalam satu komunikasi yang sama. Tiada penggantian kata bagi leksikal ‘kami’ bagi KGND pertama dalam bahasa Bateq.

Jadual 3. KGND kedua dalam bahasa Bateq

Bahasa Melayu	Bahasa Bateq	Tunggal	Jamak
‘Awak’	<i>mek</i>		
‘Kamu’			
‘Engkau/Kau’	<i>mek</i>		
‘Anda’	-	-	-

Jadual 3 di atas memaparkan KGND kedua dalam bahasa Bateq. Hanya ada satu leksikal sahaja digunakan untuk penggantian KGND kedua dalam bahasa Bateq. Leksikal *mek* adalah leksikal yang berbentuk tunggal dan digunakan untuk menggantikan kata ‘awak’, ‘kamu’ dan ‘engkau/kau’. Leksikal *mek* digunakan untuk merujuk orang yang ditutur dalam percakapan dalam bilangan seorang. Leksikal bagi kata ‘anda’ tidak ada digunakan dalam KGND kedua bahasa Bateq.

Jadual 4. KGND ketiga bahasa Bateq

Bahasa Melayu	Bahasa Bateq	Tunggal	Jamak
‘Dia’	<i>ok</i>		
‘Beliau’	-	-	-
‘Mereka’	<i>gen</i>	-	
‘Nya/ia’	-	-	-

KGND ketiga dalam bahasa Bateq hanya mempunyai dua varian iaitu leksikal *ok* dan leksikal *gen*. Leksikal *ok* digunakan untuk menggantikan kata ‘dia’ adalah merupakan leksikal berbentuk tunggal dan digunakan untuk merujuk kepada orang lain dalam percakapan dalam bilangan seorang. Leksikal *gen* pula adalah merupakan leksikal yang berbentuk jamak dan digunakan untuk merujuk kepada orang lain dalam percakapan dalam bilangan lebih daripada seorang. Penggunaan leksikal ‘beliau’ dan ‘nya/ia’ didapati tidak digunakan dalam bahasa Bateq.

4.1 Analisis Sintaksis Kata Ganti Nama Diri Bahasa Bateq

Pendefinisian mengenai kasus daripada Lutfi (1988:96) mengatakan bahawa kasus adalah merupakan satu kategori nahu nama yang memaparkan hubungan nama dengan perbuatan dalam satu-satu ayat (tidak kira jenis nama seperti ganti nama, nama khas, adjektif, bilangan, penunjuk mahu pun penerang). Kasus mempunyai peranan yang penting dalam menjelaskan kepelbagaian hubungan sintaksis dan semantik (Paitoon, 2004). Asasnya dalam satu-satu ayat, struktur ayat tersebut adalah berdasarkan perbuatan dan bukannya pada frasa nama (Filmore 1968). Justeru, perbuatan dengan satu frasa nama (atau lebih) dalam sesebuah ayat akan dikaitkan masing-masingnya dalam satu hubungan kasus yang tertentu. Di samping itu, Arbak (2005) mendefinisikan kasus sebagai satu hubungan yang boleh digambarkan oleh makna daripada simbol kategori. Penandaan dan pemilikan kasus pada KGND selain itu juga dapat dikenal pasti pada bilangan argumen pada predikat ayat (Azuwan & Arbak, 2006).

Berkaitan itu, kedudukan KGND dalam bahasa Bateq akan ditentukan fungsinya berdasarkan kedudukan KGND dalam ayat. Setiap KGND dalam ayat perlu ditandai atau memiliki kasusnya yang tersendiri (Chomsky, 1986). Jenis-jenis kasus yang akan menandai atau dipunyai oleh KGND akan ditentukan berdasarkan fungsi KGND yang telah ditentukan berdasarkan kedudukan KGND dalam ayat. Jadual di bawah secara ringkasnya menerangkan fenomena kasus dalam bahasa Bateq:

Jadual 5. Penandaan Kasus

Posisi KGND	Fungsi	Kasus
Subjek	Subjek	Nominatif
Objek	Objek	Akusatif
Pemilik	Pemilik	Genetif

KGND yang berada di posisi subjek akan berfungsi sebagai subjek dalam ayat dan ditandai dengan kasus nominatif. KGND yang berada di posisi objek akan berfungsi sebagai objek dalam ayat dan ditandai dengan kasus akusatif. Manakala KGND yang berada di posisi pemilik dalam ayat akan berfungsi sebagai pemilik akan ditandai dengan kasus genetif. Perbincangan mengenai fungsi dan kegunaan KGND dalam bahasa Bateq akan dijelaskan pada subtopik berikut:

4.2 Kata Ganti Nama Diri Pertama

Umumnya pada KGND pertama, penggunaan KGND ini akan merujuk kepada orang yang pertama dalam ayat yang dibentuk. Dalam bahasa Bateq, *jek* atau *yem* merupakan KGND pertama yang membawa maksud 'saya' dan 'aku'. Penggunaan *jek* berperanan sebagai subjek dalam ayat, objek dan juga pemilik. Namun berbeza dengan *yem*, yang hanya boleh hadir sebagai subjek sahaja dan tidak boleh berada pada posisi objek atau pemilik. Berikut merupakan contoh ayat bagi KGND pertama:

1. *jek* chik mam
Saya makan mam

Saya makan nasi.

2. ok blik *jek* mam
Dia beli saya nasi

Dia belikan saya nasi

3. krite *jek* bedek
Kereta saya cantik

Kereta saya cantik.


4. *yəm* ma chik mam
Aku nak makan nasi

Aku hendak makan nasi.


5. *ma *jəm* chik mam
nak Aku makan nasi

Aku hendak makan nasi.

Berdasarkan ayat (1) hingga (3), penggunaan *jek* boleh berada pada posisi subjek, objek mahupun untuk menerangkan pemilikan. Sekiranya kata kerja hadir selepas *jek*, maka *jek* menjadi subjek dalam ayat seperti ayat (1), sekiranya selepas kata kerja, maka *jek* menjadi objek bagi ayat (2) dan sekiranya selepas kata nama, akan menjadi pemilik seperti ayat (3). Fungsi *yem* yang hanya boleh berada pada posisi subjek tidak boleh berada pada posisi lain ekoran daripada penggunaannya yang lebih formal berbanding *jek*. Berbeza dengan *yem* di kawasan Kampung Dada Kering, *yem* di kawasan Sungai Tementong hanya membawa fitur KGND bersamanya dan boleh menjadi subjek sahaja. Manakala bagi komuniti Bateq di Kampung Dada Kering, *yem* membawa fitur KGND dan kata kerja bantu sedang bersamanya (Muhamad Asytar et al. 2023). Fenomena ini menunjukkan bahawa komuniti Bateq yang berbeza kawasan, mempunyai fungsi *yem* yang berbeza. Seperti suku kaum Negrito, Mendriq, *yem* juga hanya boleh pada posisi subjek ekoran daripada penegasan terhadap orang yang pertama (Fazal Mohamed, 2015). Justeru, *yem* secara umumnya merujuk kepada KGND pertama saya, namun akan berubah fungsinya mengikut suku kaum Negrito dan kawasan. Berikut merupakan rajah pohon bagi untuk menerangkan struktur ayat bagi KGND pertama bahasa Bateq:



Rajah 1: Rajah pohon ayat (1)



Rajah 2: Rajah pohon ayat (3)

Bagi KGND pertama jamak kita atau kami, bahasa Bateq menggunakan leksikal *hek* bagi menerangkan keadaan orang pertama dalam kumpulan. *hek* digunakan sebagai subjek, objek atau pemilik tanpa kekangan dalam ayat dengan mengubah posisi leksikal tersebut. Seperti *jek*, sekiranya *hek* berada sebelum kata kerja, maka leksikal tersebut akan menjadi subjek seperti ayat (6), objek sekiranya selepas kata kerja dan pemilik sekiranya selepas kata nama. Posisi *hek* dalam ayat memainkan peranan penting bagi menerangkan fungsi leksikal tersebut dalam ayat untuk memudahkan pendengar untuk

memahami ayat yang disampaikan oleh penutur. Berikut merupakan antara contoh ayat bagi KGND pertama *hek* sebagai kita:


6. *hek* *chik* ramai ramai
Kita makan ramai-ramai

Kita makan ramai-ramai.

7. **chik* *hek* ramai ramai
makan kita ramai-ramai

Kita makan ramai-ramai.

Ayat (6) menunjukkan bahawa *hek* digunakan sebagai subjek dalam ayat kerana kehadirannya sebelum posisi kata kerja *chik*. Maka, penggunaan *hek* dalam ayat menjadikan leksikal tersebut sebagai subjek dalam ayat untuk memberikan maklumat kepada pendengar mengenai pelaku dalam ayat tersebut. Walau bagaimanapun, sekiranya *hek* berada selepas kata kerja, maka ayat tersebut dianggap janggal kerana kewujudan ayat songsang menggunakan *hek* tidak pernah dituturkan oleh penutur. Rajah pohon di bawah menerangkan posisi *hek* dalam struktur ayat:



Rajah 3: Rajah pohon ayat (6)

4.3 Kata Ganti Nama Diri Kedua

Seterusnya, bagi KGND kedua awak atau kamu, leksikal yang digunakan oleh komuniti Bateq di adalah *mek*. Penggunaan *mek* boleh berubah fungsi mengikut posisi leksikal tersebut. Leksikal *mek* merupakan satu-satunya leksikal KGND kedua yang digunakan oleh komuniti Bateq. Berikut merupakan contoh ayat bagi penggunaan leksikal *mek*:

8. *mek* chik mam
Kamu makan nasi

Kamu makan nasi.


9. ok blik *mek* mam
Dia beli saya nasi

Dia belikan saya nasi


10. krite *mek* bedek
Kereta saya cantik

Kereta saya cantik.

Berdasarkan ayat (8), *mek* menjadi subjek ayat ekoran daripada kehadirannya sebelum kata kerja, menjadikan *mek* sebagai pelaku di dalam ayat. Sama seperti KGND pertama *jek*, leksikal *mek* bebas untuk digunakan sebagai subjek, objek mahupun pemilik dalam bahasa Bateq, seperti ayat (9) dan (10). Justeru, struktur ayat bagi KGND kedua bahasa Bateq hanya menukarkan leksikal *jek* ke *mek*, seperti rajah (3) dan (4) kerana tiada perubahan bentuk ayat yang ketara dalam bahasa Bateq.



Rajah 4: Rajah pohon ayat (8)




Rajah 5: Rajah pohon ayat (10)

Bagi KGND kedua jamak, tiada leksikal khusus yang wujud dalam bahasa Bateq, maka mereka akan menggunakan kata bilangan ramai selepas KGND untuk menunjukkan kumpulan orang kedua yang melakukan perbuatan tersebut. Data berikut merupakan contoh bagi KGND kedua jamak:

11. *mek* ramai chik mam
Kamu ramai makan nasi
Kamu semua makan nasi.
12. *ramai *mek* chik mam
ramai kamu makan nasi
semua kamu makan nasi.

Berdasarkan ayat (11) dan (12), kedua-dua ayat menggunakan leksikal ramai untuk menunjukkan bilangan orang yang ramai dalam ayat, namun bagi ayat (12), ayat tersebut dianggap janggal ekoran daripada kehadiran ramai sebelum KGND. Maka, ayat tersebut dikira nipurnama kerana tidak sesuai untuk digunakan dan akan mengakibatkan kekeliruan kepada pendengar. Rajah pohon di bawah menerangkan struktur ayat bagi ayat (11):



Rajah 6: Rajah pohon ayat (11)

4.4 Kata Ganti Nama Diri Ketiga

KGND ketiga dalam bagi bahasa Bateq pula menggunakan *ok* sebagai leksikal yang boleh menjadi subjek, objek mahupun pemilik berdasarkan kedudukan leksikal tersebut di dalam binaan ayat Bateq. Bagi penggunaan orang ketiga jamak, komuniti Bateq menggunakan *gen* sebagai mereka dalam bahasa Bateq. Berikut merupakan contoh bagi penggunaan *ok* dan *gen*:

13. *ok* ma haw kede
 Dia nak ke kedai
 Dia hendak ke kedai.

14. jek lihat *ok* ma haw kede
 saya lihat dia nak ke kedai
 Saya lihat dia hendak ke kedai.

15. bukuk *ok* bedek
 buku dia cantik
 Buku dia cantik.

16. bukuk *ok*
 buku dia
 Bukunya.

17. *gen* maen bola
 Mereka main bola
 Mereka main bola.


18. hayak *gen* beek
rumah mereka bersih

Rumah mereka bersih


19. jek lihat *gen* ma haw kede
saya lihat mereka nak ke kedai

Saya lihat mereka hendak ke kedai.


Berdasarkan ayat (13), (14) dan (15), kedudukan *ok* mempengaruhi fungsinya sebagai subjek, objek mahupun pemilik. Ayat (16) pula merupakan ayat yang menggantikan *ok* daripada menjadi dia kepada -nya untuk menerangkan kepunyaan *bukuk* tersebut. Penggunaan *ok* hanya membawa fitur tunggal bersamanya, maka, sekiranya penutur ingin melibatkan kumpulan orang ketiga yang ramai, penggunaan *gen* menggantikan leksikal *ok* untuk memberitahu bahawa subjek, objek atau pemilik ayat tersebut adalah kumpulan orang ketiga seperti contoh ayat (17), (18) dan (19). Berikut merupakan rajah pohon bagi menerangkan ayat (13), (15), (16), (17) dan (18):




Rajah 7: Rajah pohon ayat (13)




Rajah 8: Rajah pohon ayat (15)



Rajah 9: Rajah pohon ayat (16)



Rajah 10: Rajah pohon ayat (17)



Rajah 11: Rajah pohon ayat (18)

Hasil daripada penerangan di atas, KGND dalam bahasa Bateq ditandai atau dimiliki oleh tiga jenis kasus iaitu kasus nominatif, akusatif dan genetif. Lima daripada enam leksikal gantian KGND dalam bahasa Bateq boleh ditandai atau dimiliki oleh ketiga-tiga jenis kasus. Jadual 6 di bawah memaparkan dengan jelas KGND dengan kasus yang ditandai atau dimilikinya.

Jadual 6. Ringkasan Penandaan Kasus bagi KGND bahasa Bateq

Jenis KGND	KGND (Bahasa Melayu)	KGND (Bahasa Bateq)	Kasus Nominatif (KGND hadir di posisi subjek)	Kasus Akusatif (KGND hadir di posisi objek)	Kasus Genetif (KGND hadir di posisi pemilik)
Pertama	‘saya’	<i>yek</i>	✓	✓	✓
	‘aku’	<i>yem</i>	✓		
	‘kita’ (Jamak)	<i>yek</i>	✓	✓	✓
	‘kita’ (Tunggal)	<i>hek</i>	✓	✓	✓
Kedua	‘awak’	<i>mek</i>	✓	✓	✓
	‘kamu’				
	‘engkau/kau’				
Ketiga	‘dia’	<i>ok</i>	✓	✓	✓
	‘mereka’	<i>gen</i>			

KGND pertama *yek* dan *hek*, KGND kedua *mek* dan KGND ketiga *ok* dan *gen* masing-masing boleh ditandai dan memiliki kasus nominatif, akusatif dan genetif kerana kesemua KGND ini boleh berada di posisi subjek, objek dan pemilik dalam ayat seperti di ayat (1), (2), (3), (60), (8), (9), (10), (11), (13), (14), (15), (16), (17), (18) dan (19). Sebaliknya untuk KGND pertama *yem*, leksikal *yem* hanya boleh hadir pada posisi subjek sahaja menjadikan KGND leksikal *yem* hanya ditandai atau memiliki kasus nominatif sahaja seperti yang diterangkan dalam ayat (4).

5. Kesimpulan

Kesimpulannya, bahasa Bateq adalah merupakan satu bahasa yang berada di bawah kelompok bahasa Orang Asli Negrito. Bilangan statistik jumlah masyarakat Bateq dari JAKOA menyebabkan pengkaji berminat untuk mengkaji KGND dalam bahasa Bateq ekoran daripada penelurusan kajian-kajian yang terdahulu. KGND bahasa Bateq mempunyai enam varian iaitu *yek*, *yem*, *hek*, *mek*, *ok* dan *gen*. Kesemua KGND dalam bahasa Bateq mempunyai fungsinya yang tersendiri berdasarkan posisi KGND dalam ayat yang menentukan penandaan atau pemilikan kasus KGND. Lima leksikal KGND iaitu leksikal *yek*, *hek*, *mek*, *ok* dan *gen* ditandai atau dimiliki oleh kasus nominatif, akusatif dan genetif kerana leksikal-leksikal ini hadir di posisi subjek, objek dan pemilik. Leksikal *yem* pula hanya boleh ditandai atau dimiliki oleh kasus nominatif sahaja kerana leksikal ini hanya hadir di posisi subjek.

Penghargaan

Kajian ini biayai oleh Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) pindaan 1 2021 yang berkod: WAB/10/UKM/02/2 dan Geran Universiti Penyelidikan (GUP) 2021 yang berkod: 063; bertujuan untuk membina pangkalan data model SLap (Scientific Language Preservation) untuk bahasa Negrito.

Rujukan

- Arafiq. (2020). The Syntax of Personal Pronouns in Bima Languages. *International Linguistics Research*. 3(2). 13-21.
- Chomsky, N. (1986). *Knowledge of Language*. New York: Praeger.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Khairul Faiz Alimi. (2014). Analisis Deskriptif terhadap Struktur Frasa Kerja Bahasa Mendriq. *Jurnal Linguistik*. 14(2). 169-191.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Khairul Faiz Alimi. (2016). Transitiviti dalam Bahasa Mendriq. *Akademika*. 86(2). 87-98.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Mohd Romzi Ramli. (2015a). Kata Ganti Nama dalam Bahasa Mendriq. *Gema Online Journal of Language Studies*. 15(3): 67-82.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Mohd Romzi Ramli. (2015b). Ganti Nama Bahasa Mendriq: Analisis Program Minimalis. *Jurnal Bahasa*. 15(2): 177-200.

- Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Siti Nur Balqis. (2023). Ganti Nama Mah Meri: Satu Analisis Sintaksis. *Akademika*. 93(1):175-189.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Nor Hashimah Jalaluddin & Harishon Radzi. (2010b). Sintaksis Kata Soal Argumen Bahasa Mendriq: Kerangka Minimalis. *Jurnal Bahasa*. 10(2): 269-286.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Nor Hashimah Jalaluddin & Harishon Radzi. (2009). *The Kensiu Noun Phrase*. *Pertanika J. Soc.Sic. & Hum* 24(S): 81-94.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Zaharani Ahmad, Nor Hashimah Jalaluddin & Harishon Radzi. (2010a). Kata Kerja Transitif Bahasa Mendriq. *Jurnal Melayu*. 5: 409-423.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan. (2009). Struktur Sintaksis Frasa Nama Bahasa Bateq. *Gema Online Journal of Language Studies*. 9(1): 47-61.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan. (2009). Struktur Sintaksis Frasa Nama Bahasa Bateq. *Gema Online Journal of Language Studies*. Volume 9(1). 47-61.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan. (2010b). *The Syntactic Structure of a Noun Phrase: Austroasiatic vs Austronesia*. *Pertanika J. Soc.Sic. & Hum* 19(1): 263-271.
- Filmore, Charles. (1969). The Case for Case dlm E. Bach dan R. T. Harms (ed). *Universal in Linguistic Theory*. New York. Holt.
- G. Benjamin. 1976. *Austroasiatic Subgrouping and Prehistory in the Malay Penisular*. University of Hawaii Press.
- Harishon Radzi, Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Nor Hashimah Jalaluddin & Zaharani Ahmad. (2012). Analisis Bahasa Komunikasi Bangsa Minoriti Negrito menerusi Pengimbuhan dan Peminjaman Kata. *Gema Online Journal of Language Studies*. Volume 12(3). 885-901.
- Harishon Radzi, Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Zaharani Ahmad & Nor Hashimah Jalaluddin. (2011). Penggolongan Kata Bahasa Mendriq Negrito: Satu Peneltian Rintis. *Jurnal Linguistik*. Jilid 12. 1-22.
- Humaizah bt Ismail. (1995). Da'wah Islamiyah dan Kesannya Terhadap Masyarakat Orang Asli di Daerah Petaling. Tesis Sarjana, Universiti Malaya.
- Lutfi Abas. (1988). Analisis Tatabahasa Kasus dlm Nik Safiah Karim (ed). *Linguistik Transformasi Generatif Suatu Penerapan pada Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maulana Al-Fin bin Che Man & Fazal Mohamed Mohamed Sultan. (2020). Ayat Selapis dalam Dialek Perlis menggunakan Kerangka Minimalis. *Jurnal Linguistik*. 24(1), 001-018.
- Muhamad Asytar Mohamad Noor Ropiah, Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Nur Faqihah Hanim Muhamed Sanari & Nur Anis Syafiq Zulkefli. (2023). Struktur Sintaksis Kala pada Frasa Kerja Bahasa Bateq. *Jurnal Linguistik*. 27(1): 061-079.
- Nik Safiah Karim & Ton Ibrahim. (1977). *Laporan Penyelidikan Bahasa di Ulu Tembeling*. Kuala Lumpur. Jabatan Pengajian Melayu Universiti Malaya.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2013). *Tatabahasa Dewan*. Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Azuwan & Arbak Othman. (2006). Maklumat Leksikal dalam Struktur Kasus dan Argumen dalam Penulisan Berita. *Jurnal Bahasa*. 6940, 627-646.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2001). Ganti Nama Melayu Satu Definisi Semula. *Jurnal Bahasa* 1(12): 15-22.
- Oye Taiwo & Akintoye Samson Japhet. (2019). Personal Pronouns in the Ilàjẹ dialect of Yorùbá. *Journal of West African Languages*. 46(2). 48-72.
- Paitoon M. Chaiyanara. (2004). Teori Tatabahasa Leksikasuk. *Jurnal Bahasa*. 4(1), 96-128.
- Portal Rasmi Jabatan Kemajuan Orang Asli. (2021). Suku Kaum. Retrived July 27, 2023 from <https://www.jakoa.gov.my/suku-kaum>

Biodata Penulis

Nur Faqihah Hanim binti Muhamed Sanari merupakan Graduan Sarjana Linguistik di Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau terlibat secara langsung dalam pengumpulan data bagi penyelidikan lapangan berkaitan kebolehbacaan dan sintaksis.

Fazal Mohamed bin Mohamed Sultan (Ph.D) ialah seorang Profesor Madya di Program Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah sintaksis dan geolinguistik. Aktif membentangkan kertas kerja di seminar peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Beliau kini mengetuai beberapa projek UKM, Kementerian Pengajian Tinggi dan Industri.

Muhamad Asytar Bin Mohamad Noor Ropiah merupakan Graduan Sarjana Linguistik di Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau terlibat secara langsung dalam pengumpulan data bagi penyelidikan lapangan berkaitan kebolehbacaan dan sintaksis.

Nur Anis Syafiq Binti Zulkefli merupakan Graduan Sarjana Linguistik di Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau terlibat secara langsung dalam pengumpulan data bagi penyelidikan lapangan berkaitan kebolehbacaan dan sintaksis.